

# KEPENTINGAN ZAKAT KEPADA PEMBANGUNAN UMMAH

## THE IMPORTANCE OF ZAKAT TO THE DEVELOPMENT OF UMMAH

Hallieyana Sha'ari<sup>1</sup>  
Nur Ain Mohd Yusoff<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Muamalat, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,  
(E-mail: hallieyana@kias.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Muamalat, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,  
(E-mail: nurain2687@gmail.com)

### Article history

**Received date** : 9-6-2023  
**Revised date** : 10-6-2023  
**Accepted date** : 28-6-2023  
**Published date** : 28-6-2023

### To cite this document:

Sha'ari, H., & Mohd Yusoff, N. A. (2023).  
Kepentingan Zakat Kepada Pembangunan Ummah.  
*Journal of Islamic, Social, Economics and  
Development (JISED)*, 8 (53), 406 - 419.

**Abstrak:** Kajian ini menghuraikan tentang zakat dan kepentingannya dalam pembangunan ummah sejagat. Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan secara jelas berkenaan definisi zakat, jenis-jenis zakat, kadar zakat serta kepentingan kepada pembangunan ummah terutamanya dari sudut ekonomi, sosial dan pendidikan. Kaedah pengumpulan data dalam kertas kerja ini menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian dokumentasi. Pendapat dan cadangan daripada penyelidikan lepas diambil kira sebagai panduan dalam penghasilan kertas kerja ini. Didapati zakat telah memainkan peranan yang besar dalam membantu kelangsungan hidup masyarakat sejagat terutama memberi impak positif dalam tiga aspek utama seperti ekonomi, sosial dan pendidikan. Peranan zakat dalam tiga aspek ini telah mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat untuk membentuk masyarakat yang berjaya dan berdaya saing serta jaminan masa depan yang lebih sejahtera. Oleh yang demikian, disarankan supaya pihak terbabit sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dalam menggalakkan pemberian zakat secara konsisten dan agihan yang adil serta efisien kepada individu yang berkecukupan untuk menerima zakat dalam memastikan adanya keseimbangan jurang sosial dalam masyarakat hari ini.

**Kata Kunci:** Zakat, Kepentingan zakat, ekonomi, sosial, pendidikan

**Abstract:** This study elaborates on zakat and its importance in the development of the ummah. This paper focuses a clear discussion on the definition of zakat, types of zakat, zakat rate and importance to the development of the community, especially from an economic, social and educational point of view. The data collection method in this paper uses the library method and documentation study. Opinions and recommendations from past research are taken into account as a guide in the production of this paper. It was found that zakat has played a big role in helping the survival of the global community, especially having a positive impact in three main aspects such as economy, social and education. The role of zakat in these three aspects has created well-being among the community to form a successful and competitive society and guarantee a more prosperous future. Therefore, it is recommended that the parties involved

*always provide support and encouragement in encouraging the consistent giving of zakat and fair and efficient distribution to individuals who are qualified to receive zakat in order to ensure that there is a balance of social disparity in today's society.*

**Keywords:** Zakat, Importance of Zakat, economy, social, education

---

## Pendahuluan

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga selain daripada mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa di bulan ramadan dan menunaikan haji bagi yang mampu. Menunaikan zakat adalah satu ibadah kepada Allah SWT yang disyariatkan kepada seluruh umat Islam. Zakat merupakan asas sistem ekonomi Islam yang dapat mengembangkan sosio-ekonomi ummah. Menurut Muaz Omar et al. (2016), zakat bukanlah sekadar satu ibadah semata-mata tetapi zakat ini mengandungi banyak kepentingan serta kelebihan bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada manusia sejagat. Mereka yang memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan wajib menunaikan zakat. Hal ini kerana, Allah SWT mewajibkan zakat kepada hamba-hambanya agar membantu golongan yang memerlukan pertolongan untuk kelangsungan hidup (Azizah Othman et al. 2019).

Zakat bukanlah sebarang bentuk sumbangan, sedekah sukarela, cukai atau kemurahan hati dari pembayar zakat sahaja akan tetapi zakat adalah gabungan kesemua ini dan ia adalah ketetapan daripada Allah SWT yang dapat menyucikan harta, menstabilkan ekonomi serta kesejahteraan ummah. Menurut pandangan Mohamad Sabri dan Riki Rahman (2016), zakat adalah antara sumber kewangan yang dapat meningkatkan ekonomi masyarakat terutamanya mereka yang tidak berkemampuan dalam sesebuah negara Islam. Tujuan utama kutipan dan agihan zakat adalah untuk menjadikan zakat sebagai asas kepada pembangunan ummah, menunaikan hak dan tanggungjawab terhadap mereka yang berhak mengikut syariat. Zakat juga salah satu usaha melakukan kebajikan selain daripada meningkatkan penghayatan agama Islam.

Zakat menjadi penyuntik kepada ekonomi ummah dalam membantu meringankan beban para asnaf. Masyarakat Islam menganggap zakat adalah suatu peluang bagi membantu para asnaf yang semakin terbeban dengan tekanan kewangan dan ekonomi pada hari ini (Abdul Hayy Haziq dan Hairunnizam, 2017). Pengurusan zakat dari kutipan dan agihan menjadi tanggungjawab negeri-negeri di mana pengurusan tersebut terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Kegiatan dan dasar Majlis Agama Islam bagi sesebuah negeri dilaksanakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada MAIN (Azizah Othman et al. 2019).

Dana zakat yang dikutip dapat meringankan sedikit sebanyak beban asnaf dan membuka peluang kepada mereka untuk berdikari dan boleh keluar daripada kemiskinan. Kutipan zakat ini sekaligus dapat memperkasakan lagi ekonomi umat Islam (Mohd Nasir Ayub et al. 2022). Berdasarkan kajian Mohd Nasir Ayub et al. (2022), semasa wabak Covid 19 melanda gerak kerja kutipan dan agihan zakat aktif disebabkan penambahan bilangan fakir dan miskin yang melayakkan mereka untuk menerima zakat. Namun sejauh manakah masyarakat Islam mengetahui mengenai konsep zakat, jenis-jenis dan kadar zakat serta kepentingannya kepada pembangunan ummah?

Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan mengenai zakat dan kepentingannya kepada pembangunan ummah. Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan berkaitan definisi zakat,

jenis-jenis zakat, kadar zakat dan kepentingannya kepada pembangunan ummah dari aspek ekonomi, sosial dan pendidikan.

### Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian lepas berkenaan zakat yang dilakukan dari pelbagai cabang misalnya mengenai pengurusan zakat, agihan zakat, kesedaran menunaikan zakat, faktor pendorong membayar zakat dan banyak lagi. Antara kajian yang agak berkaitan dengan kajian ini ialah kajian Mohammad Sabri Haron & Riki Rahman (2016) berkenaan pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat Islam dengan membuat tinjauan berasaskan Maqasid Syariah. Hasil dapatan mendapati terdapat hubungan di antara agihan zakat, kesejahteraan masyarakat dengan Maqasid Syariah di mana agihan zakat memenuhi kehendak Maqasid Syariah sekaligus meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Muaz Omar et al. (2016) menghuraikan konsep sebenar zakat serta peranannya terhadap masyarakat sejagat dalam aspek agama, politik, ekonomi dan sosial. Kajian beliau mendapati dalam aspek ekonomi, zakat berperanan untuk mendekatkan jurang perbezaan ekonomi masyarakat dan mencegah terkumpulnya harta bagi pihak tertentu semata-mata. Manakala bagi aspek sosial pula, zakat berperanan sebagai metod untuk menghapuskan taraf kemiskinan masyarakat dan menyedarkan golongan kaya tentang tanggungjawab sosial terhadap golongan asnaf.

Dalam kajian Khairul Azhar (2017), kajian yang dibuat adalah mengenai peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam memupuk sifat umat Islam di Malaysia dengan meneliti potensi dana zakat kepada golongan asnaf yang layak menerima zakat. Kajian mendapati, pihak MAIN telah menyediakan pelbagai bantuan dan program untuk meningkatkan kualiti asnaf menerusi agihan dana zakat secara seimbang, penyaluran kebajikan sosial, meningkatkan modal insan dan peningkatan taraf pendidikan.

Nurul Nadzirah (2023) pula menjelaskan mengenai impak agihan zakat terhadap pendidikan masyarakat orang asli di Jerantut, Pahang. Kajian yang dilaksanakan adalah secara kualitatif dengan menemubual lima (5) orang pegawai dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang terlibat secara langsung dengan agihan zakat kepada masyarakat orang asli. Hasil dapatan kajian mendapati, agihan zakat dapat membantu masyarakat orang asli dalam memajukan pendidikan anak-anak mereka. Pihak MUIP amat menitikberatkan aspek pendidikan dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada anak-anak orang asli untuk mendedahkan betapa pentingnya ilmu terutama ilmu agama di mana, mereka boleh mendakwahkan ahli keluarga serta komuniti agar dapat mengubah taraf hidup mereka. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti beberapa jenis bantuan yang diagihkan oleh pihak MUIP bagi memajukan pendidikan masyarakat orang asli seperti tajaan pengajian ke sekolah-sekolah agama, bantuan pelajaran pengajian peringkat diploma dan ijazah, bantuan tahunan, bantuan hari raya, saguhati dan elaun.

Kajian pendidikan asnaf fakir dan miskin melalui sinergi dana zakat dalam membasmi keciciran oleh Nor Asmira et al. (2022) pula untuk mengenalpasti peranan yang boleh dilaksanakan oleh pihak institusi zakat kepada golongan asnaf di samping melihat dan menilai semula skim serta bantuan pendidikan dapat membantu membangunkan ekonomi asnaf sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kajian mendapati pelajar miskin mempunyai peluang yang lebih rendah dalam pendidikan peringkat tertinggi. Hal ini kerana faktor kekuatan ekonomi adalah faktor penting dalam pendidikan dan sebaliknya. Malah menurut Nor Asmira

et al. (2022) dengan merujuk kajian Baharudin Hanafi & Lutfi Fauzi (2017), sumber kewangan yang diperlukan dalam pendidikan melibatkan kos langsung dan kos tidak langsung iaitu keperluan sara hidup (makan minum, penginapan, perubatan, pakaian, komunikasi) dan keperluan akademik (yuran pengajian, buku rujukan, kos percetakan, peralatan kursus).

Kajian Zakaria Othman et al. (2019) pula untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam menyuburkan pendidikan penduduk Kedah berdasarkan kepada agihann zakat bagi tahun 2020-2021 iaitu sewaktu wabak COVID-19. Kajian mendapati LZNK telah membuat agihan sebanyak RM25.1 juta untuk bantuan pendidikan semasa COVID-19 manakala sebanyak RM40.42 juta agihan bagi tahun 2020 peruntukan pendidikan rakyat Kedah seperti skim biasiswa dan tajaan, skim bantuan *one-off* dan program pembangunan pendidikan. kajian ini menunjukkan LZNK memainkan peranan yang efisien dan proaktif dalam menyediakan bantuan kepada golongan asnaf dalam aspek pendidikan bermula dari sekolah rendah, menengah hingga ke tahap pendidikan tinggi.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan. Sumber rujukan adalah sumber sekunder seperti tesis, artikel jurnal, portal rasmi dan prosiding yang telah dikarang oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Objektif kajian ini diperolehi dengan menganalisis dan meneliti hasil dapatan daripada kajian terdahulu dan semasa daripada portal rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berkaitan zakat. Proses yang dilakukan dalam artikel ini adalah bermula dengan penentuan topik serta skop kajian sehinggalah kepada perbincangan dapatan kajian dan kesimpulan.

### Definisi Zakat

Pengertian zakat dari sudut bahasa bermaksud suci dan subur iaitu bersih, berkat, berkembang dan baik kepada harta zakat, pembayar zakat serta penerima zakat. Definisi suci dalam pengertian zakat adalah menyucikan harta dan diri pembayar zakat daripada sifat bakhil, kedekut, sifat dengki dan dendam (Muaz Omar et al. 2016). Firman Allah SWT:

Terjemahan: *“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”*

(At-Taubah, 9:103).

Pengertian zakat dari sudut syarak pula bermaksud pengeluaran harta tertentu pada kadar tertentu berdasarkan syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan yang layak menerima zakat berkenaan (Siti Zulaikha et al. 2021). Firman Allah SWT:

Terjemahan: *“Sesungguhnya, orang-orang yang beriman, melakukan kebaikan, melaksanakan solat, dan menunaikan zakat mendapat pahala di sisi Tuhannya. Mereka tidak ada berasa takut tidak bersedih hati”*.

(Al-Baqarah, 277).

Agihan zakat disalurkan kepada lapan golongan yang layak menerima zakat iaitu fakir, orang miskin, amil, muallaf, hamba sahaya (Riqab), orang yang berhutang (Al-Gharimin), orang yang

berjuang di jalan Allah SWT (Fisabilillah) dan musafir (Ibnus Sabil) (Nurul Nadzirah Abdul Nasir, 2023). Penetapan ini bertujuan untuk menghindari daripada berlakunya penyelewengan terhadap agihan zakat. Menurut Nurul Nadzirah Abdul Nasir (2023), berlakunya kemungkinan zakat yang diterima itu diagihkan kepada mereka yang tidak layak menerima atau ada pihak yang mengambil kesempatan ke atas zakat tersebut.

### Jenis-jenis Zakat dan Kadar Zakat

Zakat secara amnya terbahagi kepada dua kategori iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah merupakan zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan yang beragama Islam serta berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Zakat fitrah bertujuan untuk mensucikan jiwa dan badan. Menurut Muaz Omar et al. (2016), penetapan kadar fitrah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri yang ditunaikan pada bulan Ramadan bermula dari 1 Ramadan sehingga sebelum solat sunat Aidilfitri 1 Syawal. Bagi kadar zakat fitrah, zakat yang dikeluarkan adalah 1 gantang Baghdad makanan utama negeri berkenaan yang bersamaan dengan 2.70kg beras atau senilai dengannya (Laman Web Rasmi MUIP, 2023).

Waktu menunaikan zakat fitrah diringkaskan sebagaimana jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Waktu Menunaikan Zakat Fitrah (Laman Web Rasmi MUIP, 2023)**

| Waktu Menunaikan Zakat Fitrah | Huraian                                                            |
|-------------------------------|--------------------------------------------------------------------|
| Wajib                         | Terbenam matahari akhir Ramadan sehingga terbit matahari 1 Syawal  |
| Afdal                         | Sebelum solat sunat Aidilfitri                                     |
| Sunat                         | Sepanjang bulan Ramadan                                            |
| Makruh                        | Selepas solat sunat Aidilfitri sehingga terbenam matahari 1 Syawal |
| Haram                         | Selepas terbenam matahari 1 Syawal                                 |

Bagi zakat harta pula, jenis zakat ini telah diperluaskan kepada beberapa bentuk harta terkini disebabkan perkembangan ekonomi semasa yang dikenakan ke atas harta-harta yang berkembang (Siti Zulaikha et al. 2021). Jenis-jenis harta yang dikenakan zakat adalah seperti zakat emas dan perak, zakat tanaman, zakat ternakan, zakat perniagaan, zakat galian, zakat wang simpanan, zakat saham dan zakat pendapatan (Laman Web Rasmi MUIP, 2023 dan Siti Zulaikha et al. 2021).

Jenis-jenis zakat harta dan kadar zakat diringkaskan sebagaimana jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Jenis-jenis Zakat Harta (Laman Web Rasmi MUIP, 2023)**

| Jenis Zakat    | Huraian                                                                                                                                                                                                                           | Kadar Zakat                                                                                                                                                                           |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Emas dan Perak | Diwajibkan zakat emas dan perak dari jenis emas dan perak tulen sama ada berbentuk jongkong, bijih, wang, perkakas atau perhiasan serta barang kemas atau perhiasan seperti cincin, gelang, rantai, anting-anting dan sebagainya. | Kadar emas pakai wajib ditunaikan apabila berat emas tersebut melebihi uruf iaitu nilai kebiasaan pemakaian setempat.<br><br>Kadar emas simpan wajib dikeluarkan sekiranya berat emas |


|            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|            | <p>Zakat emas terbahagi kepada dua iaitu emas pakai dan emas simpan. Emas boleh pakai ialah emas yang boleh digunakan atau dipakai sebagai perhiasan walaupun setahun sekali, manakala emas yang disimpan ialah emas yang tidak pernah digunakan atau dipakai sama sekali.</p>                                                                                                                                                                                                                                    | <p>berkenaan menyamai atau melebihi 85g/ 25 mayam. Kadar zakat bagi emas adalah 2.5% atas nilai keseluruhan emas tersebut.</p> <p>Kadar zakat bagi perak adalah apabila beratnya menyamai atau melebihi 595g/ 176 mayam iaitu sebanyak 2.5% daripada nilai keseluruhan perak tersebut.</p>                                                                                                                                             |
| Galian     | <p>Dikenali sebagai rikaz dan ma'adin merupakan dari emas dan perak yang dijumpai oleh manusia dari perut bumi.</p> <p>Ma'adin adalah hasil galian dari perut bumi yang beku atau cair yang kemudiannya diproses menghasilkan logam galian atau dalam bentuknya seperti emas, perak, bijih besi dan lain-lain.</p> <p>Rikaz adalah emas dan perak atau seumpamanya yang tersimpan di dalam bumi sebelum kedatangan Islam seperti harta karun.</p>                                                                 | <p>Zakat untuk kiraan Ma'adin, zakatnya wajib dikeluarkan apabila terjumpa atau dijumpa dan tidak mempunyai tempoh waktu (haul). Kadar zakat adalah 2.5% dari jumlah keseluruhan harta berkenaan dengan kadar wang sebanyak 85g emas 595g perak.</p> <p>Bagi kiraan Rikaz pula, sebanyak 20% kadar ke atas harta tersimpan atau harta karun yang dijumpai wajib dikeluarkan zakat sekiranya melebihi kadar wang sebanyak 85g emas.</p> |
| Pendapatan | <p>Hasil perolehan yang bermaksud apa jua usaha atau pekerjaan yang mendatangkan hasil kepada pengusahanya.</p> <p>Kategori hasil pendapatan terbahagi kepada tiga iaitu pertama harta pendapatan, gaji dan upah (gaji, upah, bonus, pencen, insentif, gratuity dan lain-lain).</p> <p>Kedua adalah harta hasil pekerjaan bebas (komisen, royalti hakcipta, doktor, peguam, arkitek dan lain-lain) dan yang ketiga adalah harta hasil aset tetap (hasil sewaan rumah, kenderaan, hasil ladang dan lain-lain).</p> | <p>Kadar zakat pendapatan adalah berdasarkan jumlah pendapatan kasar dari semua sumber pendapatan yang halal dalam tempoh masa setahun setelah ditolak dengan Had Kifayah seperti makanan, pakaian, rumah, utiliti, kesihatan, pengangkutan, pendidikan komunikasi, saraan moden dan seterusnya di darab dengan 2.5%.</p>                                                                                                              |

|            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Perniagaan | <p>Perniagaan adalah aktiviti jual dan beli yang berlangsung untuk mendapatkan untung. Semua jenis perniagaan wajib dikenakan zakat selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak sama ada perniagaan tunggal, perkongsian, berhad, koperasi atau lain-lain.</p> <p>Sumber zakat perniagaan dikelaskan kepada perniagaan yang berasaskan barangan (kedai runcit, pasar raya, industri dan lain-lain) dan perniagaan yang berasaskan perkhidmatan (bank, bengkel kereta dan lain-lain). Bagi perniagaan perkongsian, zakat dikenakan ke atas jumlah keseluruhan nilai harta yang dimiliki oleh rakan kongsi mengikut nisbah modal yang disumbangkan oleh setiap pekongsi.</p> | <p>Perniagaan yang mempunyai penyata kewangan yang lengkap, pengiraan zakat boleh berpandukan kunci kira-kira.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kaedah Modal Berkembang<br/>Ekuiti pemilik (+) Liabiliti jangka panjang (-) Aset tetap (-) Aset bukan semasa (+/-) Pelarasan (=) Harta perniagaan yang diwajibkan zakat</li> <li>Kaedah Modal Kerja<br/>Aset semasa (-) Liabiliti semasa (+/-) Pelarasan (=) Harta perniagaan yang diwajibkan zakat</li> </ol> <p>Bagi perniagaan yang tidak mempunyai penyata kewangan yang lengkap, kaedah pengiraan zakat adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai stok barang; kaedah seperti kaedah modal kerja</li> <li>Tidak mempunyai stok barang;<br/>(Terimaan – Perbelanjaan = Keuntungan setahun x 2.5%)</li> </ol> |
| Saham      | <p>Zakat yang dikenakan ke atas pelaburan saham yang telah genap setahun (haul) dan cukup nisab. Zakat saham dikeluarkan ke atas pelaburan yang halal dan menepati hukum syara'.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <ol style="list-style-type: none"> <li>Saham simpanan<br/>Zakat dikeluarkan adalah 2.5% ke atas harga terendah dalam tempoh setahun. Kaedah pengiraan sama seperti cara pengiraan zakat wang simpanan.</li> <li>Saham jual beli<br/>Zakat yang diwajibkan adalah 2.5% ke atas nilai saham pada akhir tahun/ tarikh cukup haul.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| Tanaman    | <p>Zakat yang dikeluarkan hanyalah tanaman dan buah-buahan yang menjadi makanan asasi manusia (yang mengenyangkan) dalam keadaan biasa serta boleh disimpan dan tidak rosak (kurma, anggur kering, gandum, barli, beras, padi dan lain-lain).</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <p>Zakat dikenakan ke atas hasil tanaman menyamai atau melebihi 1,000kg atau 400 gantang Baghdad. Tanaman yang menggunakan tenaga manusia selain dari haiwan dan jentera atau dengan perbelanjaan yang banyak, maka zakat adalah 5% atau 1/20.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

|               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|               | Makanan yang dimakan pada musim susah dan kemarau tidak dianggap sebagai makanan asasi. Zakat tanaman di Malaysia hanya dikhususkan kepada tanaman padi sahaja.                                                                                                                                                                                                                    | Bagi tanaman yang menggunakan aliran hujan atau air semula jadi, zakat yang dikenakan adalah 10% atau 1/10.                                                                                                                                                                                                       |
| Ternakan      | <p>Zakat ternakan dikeluarkan ke atas haiwan-haiwan yang ditanam seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan unta apabila sempurna syarat-syaratnya.</p> <p>Haiwan berkenaan mestilah dipelihara di padang terbuka di mana kehidupan dan kesihatannya hanya bergantung kepada pemakanannya di tempat terbuka berkenaan.</p>                                                      | <p>Zakat yang dikenakan adalah apabila bilangan ternakan melebihi kadar nisab seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lembu/ kerbau: mencukupi 30 ekor atau lebih</li> <li>ii. Kambing/ biri-biri: mencukupi 40 ekor atau lebih</li> <li>iii. Unta: mencukupi 5 ekor atau lebih</li> </ul> |
| Wang Simpanan | <p>Wang simpanan merupakan wang yang disimpan sama ada di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, saham, saham amanah dan lain-lain bentuk simpanan.</p> <p>Antara jenis-jenis wang simpanan adalah seperti simpanan di institusi perbankan, simpanan berbentuk pelaburan di institusi kewangan seperti Amanah Saham, Tabung Haji dan seumpama dengannya.</p> | Zakat yang wajib dikeluarkan bagi simpanan tetap adalah 2.5% daripada keseluruhan simpanan tersebut. Bagi simpanan biasa pula, zakat adalah 2.5% dari nilai terendah (cukup nisab) dalam tempoh setahun simpanan tersebut.                                                                                        |

### Kepentingan Zakat Kepada Pembangunan Ummah

Zakat merupakan suntikan kewangan yang bermakna kepada lapan golongan yang layak menerimanya. Zakat yang diterima sedikit sebanyak membantu golongan ini untuk meneruskan kelangsungan hidup terutama yang mempunyai keluarga untuk disara. Pada Masa kini, umat Islam berdepan dengan pelbagai aspek seperti politik perlu kepada sokongan untuk mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan manusia (Khairul Azhar, 2017). Berikut adalah kerangka konsep berkaitan kepentingan zakat yang difokuskan dalam pembangunan ummah.



**Jadual 3: Kepentingan Zakat kepada Pembangunan Ummah**

### **Ekonomi**

Kutipan zakat dalam kalangan umat Islam secara umumnya dapat mengimbangi proses agihan kekayaan sekaligus merapatkan jurang kekayaan yang terbentuk di antara golongan miskin dengan golongan kaya. Hal ini kerana zakat yang digunakan untuk program pembangunan ekonomi dapat meningkatkan taraf ekonomi golongan asnaf dengan menyediakan peluang perniagaan (Khairul Azhar, 2017). Zakat secara langsung berperanan sebagai salah satu instrumen yang dapat mengurangi kadar kemiskinan serta meningkatkan dan menyediakan kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

Menurut Muaz Omar et al. (2016), peranan zakat sangat besar khususnya membantu membasmi isu kemiskinan kerana kemiskinan adalah salah satu daripada tiga serangkai penghancur iaitu kejahilan, kemiskinan dan juga penyakit. Secara umumnya, golongan miskin tidak mempunyai kemampuan untuk berbelanja disebabkan kekurangan pendapatan berbanding golongan kaya. Keadaan sebegini yang membawa kepada ekonomi yang tidak seimbang. Hal ini yang demikian, dana zakat yang diperolehi diagihkan kepada golongan miskin adalah bertujuan menstabilkan semula ketidakseimbangan kitaran ekonomi yang wujud (Zarina et al. 2012).

Dalam konteks ekonomi, zakat memainkan peranan dalam merapatkan jurang yang jauh antara masyarakat dengan mengagihkan semula pendapatan sebagaimana hak yang telah ditetapkan. Menurut pandangan Muaz Omar et al. (2016), pelan tindakan secara bersepadu perlu dirangka dengan kerjasama agensi zakat, penerima dana zakat dan kerajaan untuk memastikan keberkesanan agihan dana zakat bagi meningkatkan tahap ekonomi ummah. Hal ini selari dengan cadangan Azman dan Tengku Mansur (2016), menubuhkan Pusat Pembangunan Asnaf di mana salah satu cabang adalah menyediakan platform pemulihan, latihan dan pemantauan kepada golongan asnaf untuk pengukuhan ekonomi. Dengan menyediakan latihan keusahawanan serta modal kepada mereka dapat membendung dari kemiskinan kerana ada dalam kalangan mereka yang sudah berjaya keluar daripada kelompok miskin dan menjadi muzakki (Azman dan Tengku Mansur, 2016).

Menurut Khairul Azhar (2017), terdapat pelbagai bentuk bantuan program keusahawanan yang disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk pembangunan ummah iaitu:

**Jadual 4: Bantuan Ekonomi MAIN**

| Bentuk Bantuan                                                                                                                           | Contoh Program                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1) Kursus dan Latihan Kemahiran<br>2) Modal Perniagaan<br>3) Modal Berdikari<br>4) Peluang Perniagaan<br>5) Bantuan Pemulihan Perniagaan | <p><b><u>Pulau Pinang</u></b><br/>           -Gerak Asnaf Katering<br/>           -Gerak Asnaf Jahitan<br/>           -Gerak Asnaf Tani<br/>           -Gerak Asnaf Niaga<br/>           -Atrium dan Cafe</p> <p><b><u>Kedah</u></b><br/>           -Pusat Kemahiran Jahitan</p> <p><b><u>Selangor</u></b><br/>           -Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ)<br/>           -Program Hijrah Kerjaya Asnaf<br/>           -Forum Ekonomi<br/>           -Kursus Keusahawanan</p> <p><b><u>Wilayah Persekutuan</u></b><br/>           -Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi<br/>           -Bantuan Pertanian<br/>           -Kedai Rakyat MAIWP</p> |

Sumber: Khairul Azhar, (2017)

Justeru, dengan adanya pelbagai kemudahan bantuan yang disediakan dari dana zakat ini, maka golongan asnaf pastinya berusaha untuk memajukan ekonomi mereka sendiri sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka dan mereka pula yang bertukar menjadi pembayar zakat. Sebagaimana penulisan Muaz Omar et al. (2016), sumbangan bantuan yang disalurkan untuk menyara hidup bukanlah bertujuan untuk menyuntik kepada kemalasan, pengangguran yang membawa kepada ancaman ketenangan dan keselamatan negara namun bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung disamping menjadi faktor penggalak bekerja bagi golongan asnaf.

Oleh yang demikian, zakat yang diagihkan dengan efektif dan efisien serta digunakan secara produktif dapat mengembangkan ekonomi dengan seimbang dan menyumbang ke arah pembangunan dan kesejahteraan hidup ummah.

### **Sosial**

Selain daripada aspek sosio-ekonomi, agihan zakat juga adalah untuk pembangunan kualiti sosial masyarakat dalam sesebuah negara seperti perlindungan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan bantuan sara hidup. Dana zakat diagihkan kepada golongan asnaf untuk membantu memenuhi keperluan asas mereka sama ada bagi keperluan jangka pendek mahupun jangka panjang. Menurut Mohamad Sabri dan Riki Rahman (2016), kemiskinan boleh menyebabkan wujudnya perasaan benci dan permusuhan di antara mereka yang kaya dengan yang miskin dan keadaan ini membawa kepada konflik sosial dalam kitaran masyarakat. Hal ini turut disokong oleh Muaz Omar et al. (2016) di mana zakat dapat mengurangkan rasa

dendam dan dengki yang ada dalam dada fakir miskin disebabkan melihat golongan kaya melaburkan harta untuk sesuatu perkara yang tidak bermanfaat.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Khairul Azhar (2017), kebajikan sosial menjadi agenda yang penting yang perlu diberi perhatian dalam merealisasikan objektif peningkatan kualiti sosial golongan masyarakat. Hal ini kerana, jurang ekonomi yang wujud di antara orang kaya dan orang miskin berpotensi melemahkan masyarakat dan mewujudkan ketidakseimbangan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat jika tidak dibendung.

Oleh yang demikian, dana zakat yang dikumpul dan diagihkan adalah bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Zakat adalah salah satunya metod utama bagi umat Islam mewujudkan sifat prihatin serta bertanggungjawab terhadap nasib saudara seagamanya dan lazimnya menjanjikan keselamatan antara satu sama lain (Khairul Azhar, 2017). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya sikap tolong menolong dalam agama Islam. Jadual 5 berikut adalah antara bantuan sosial dan program kebajikan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam pembangunan sosial ummah.

**Jadual 5: Bantuan Sosial MAIN**

| Bentuk Bantuan                                                                                                                                                                                                        | Contoh Program                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1) Baik pulih rumah<br>2) Bantuan bencana alam<br>3) Bantuan kewangan dan makanan bulanan<br>4) Bantuan Musafir/ Muallaf<br>5) Bantuan kanak-kanak istimewa/ OKU<br>6) Pengurusan jenazah<br>7) Pengurusan anak yatim | <p><b><u>Pulau Pinang</u></b><br/>           -Pusat Haemodialisis Zakat<br/>           -Klinik Bergerak Zakat<br/>           -Rumah Transit Saudara Baru</p> <p><b><u>Kedah</u></b><br/>           -Freemarket@zakatkedah</p> <p><b><u>Selangor</u></b><br/>           -Pengurusan Rumah Perlindungan Bait al-Hasanah (Anak asnaf)<br/>           -Pengurusan Rumah Perlindungan Bait al-Mawaddah (Warga emas)</p> <p><b><u>Wilayah Persekutuan</u></b><br/>           -Bantuan Deposit Motosikal OKU<br/>           -Bantuan Makanan Percuma Sekitar KL<br/>           -Pusat Gelandangan MAIWP-KDN<br/>           -Bantuan Guaman Syarie</p> |

Sumber: Khairul Azhar, (2017)

### **Pendidikan**

Pendidikan merupakan bidang yang sangat penting dan perlu diberi perhatian kerana memberikan impak yang besar kepada pembangunan ummah. Menurut (Azman Ab Rahman dan Siti Martiah, 2014), pendidikan adalah keperluan asas bagi setiap insan namun memerlukan sumber kewangan yang berterusan untuk memenuhi keperluan ini.

Menurut Nor Asmira et al. (2022), keciciran dalam kalangan pelajar disebabkan kekangan kewangan merupakan masalah dalam pendidikan. Hal ini kerana, pendidikan adalah salah satu tiket penting untuk keluar daripada kepompong kemiskinan sekaligus mengubah kehidupan seseorang manusia. Golongan asnaf juga berhak untuk menuntut ilmu walaupun berhadapan dengan kekangan kewangan untuk membayar yuran persekolahan dan pengajian (Azman Ab Rahman dan Siti Martiah, 2014).

Dana zakat berperanan menjamin keadilan sosial dalam masyarakat dengan mengagihkan dana berkenaan secara adil, efisien dan telus kepada golongan asnaf. Di Malaysia, institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai pelbagai bentuk dan skim bantuan pendidikan kepada golongan asnaf.

Jadual 6 berikut adalah bantuan pendidikan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam pembangunan pendidikan ummah.

**Jadual 6: Bantuan Pendidikan MAIN**

| Bentuk Bantuan                                                                                                                                                                                                                   | Contoh Bantuan Pendidikan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1) Skim Bantuan Pelajaran<br>2) Skim Bantuan Pendidikan<br>3) Bantuan Yuran Sekolah Rendah<br>4) Dermasiswa<br>5) Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA<br>6) Bantuan Pakaian Sekolah<br>7) Bantuan Pengajian ke Timur Tengah | <p><b><u>Pulau Pinang</u></b><br/>           -Bantuan Pendidikan<br/>           -Pakaian Seragam<br/>           -Basiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat<br/>           -Bantuan Yuran Sekolah Rendah/ Menengah</p> <p><b><u>Kedah</u></b><br/>           -Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama<br/>           -Bantuan Persekolahan Bulanan<br/>           -Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin</p> <p><b><u>Selangor</u></b><br/>           -Keperluan Pendidikan<br/>           -Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara<br/>           -Dermasiswa Hufaz Quran<br/>           -Bantuan Yuran Sekolah Rendah/ Menengah<br/>           -Basiswa Pelajaran</p> <p><b><u>Wilayah Persekutuan</u></b><br/>           -Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri<br/>           -Bantuan Am Pelajaran IPT<br/>           -Bantuan Pelajar Institusi Profesional Baitulmal (IPB)<br/>           -Bantuan Galakan Hafiz Al-Quran<br/>           -Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan</p> |

Sumber: Azizah Othman et al, (2019) dan Azman Ab Rahman & Siti Martiah, (2014)

Seiring dengan arus pemodenan, kecekapan urus tadbir dana zakat bukan sahaja diukur dengan nilai jumlah pungutan zakat tetapi perlu diukur dengan memaksimumkan manfaat dan kepentingan zakat itu sendiri kepada golongan asnaf (Zakaria Othman et al. 2021). Berdasarkan kajian Azman Ab Rahman dan Siti Martiah, (2014), dana zakat pendidikan membantu mengatasi masalah keciciran pelajaran serta pencetus anjakan paradigma kerana zakat pendidikan memainkan peranan penting kepada golongan asnaf sama ada mereka yang belajar di peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi (awam/ swasta).

### Perbincangan dan Kesimpulan

Kewajipan menunaikan zakat mencerminkan sistem ekonomi Islam yang jelas mementingkan aspek keadilan serta menolak kepada monopoli kekayaan yang menindas golongan yang lemah. Sistem ini adalah sama rata dalam kalangan umat Islam melalui kewajipan berzakat dan galakan bersedekah. Seiring dengan itu, galakan berterusan harus diberikan kepada semua kalangan umat Islam dalam melaksanakan kewajipan berzakat, sebagai contoh memudahkan lagi sistem pembayaran zakat sesuai dengan kemajuan teknologi kini serta sejajar dalam memahami komitmen masa yang terhad dalam kalangan masyarakat hari ini. Justeru, kesempurnaan dalam berzakat berkesan dalam membina rangkaian pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta keseimbangan dalam mewujudkan sistem kebajikan sosial yang ampuh lagi memberangsangkan, bahkan secara tidak langsung mampu meningkatkan taraf pendidikan dan membina modal insan yang berkualiti.

Oleh yang demikian, kedudukan zakat sebagai salah satu institusi sosial yang utama bagi umat Islam perlu terus diperkembangkan dan dipertingkatkan menerusi pengurusan yang mampan dan utuh bagi membina dimensi baru yang berdaya saing serta mampu memainkan peranan dengan berkesan di peringkat tempatan, serantau mahupun sejagat (Hairunnizam et al, 2004). Secara jelas, zakat mampu menjadikan masyarakat Islam seumpama sebuah keluarga besar yang saling bersatu padu dan berkasih sayang serta mewujudkan persefahaman yang mampu menjamin keamanan dan ketenteraman di dalam sesebuah negara.

### Rujukan

- Abdul Haziq. H. M., & Hairunnizam. W. (2017). Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak. Prosiding Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelat. UKM Bangi. ISBN: 978-983-3198-98-6.
- Abdul Nasir, N. N, (2023). Impak Agihan Zakat Terhadap Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Jerantut, Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development (JISED)*, 8(52), 64-69.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., Lateh. N., Md Ishak, M. H., Mohd Nabil, M. N., & Anasat, H. (2022). Kecekapan Pengurusan Zakat di UiTM. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 213-221.
- Azman. A. R. & Siti Martiah. A. (2014). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). eISBN:978-967-13087-1-4.
- Azman. A. R. & Siti Martiah. A. (2014). Dana Zakat Dalam Pendidikan Asnaf Dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia. Prosiding PERKEM Ke-9 (2014), 208 – 215. ISSN: 2231-962X.

- Azman. A. R. & Tengku. M. T. A. Z. (2016). Kedudukan Asnaf Ar-Riqab Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya Di Negeri Perak. Buku Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat. ISBN:978-967-14685-0-0. Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Azizah. O., Raziah. M. T., Syarifah. M. Y., Norashidah. H., & Nadratun. N. A. W. (2019). Peranan Institusi Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Golongan Asnaf: Isu dan Cabaran. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. Vol. 1. Issues: 2. eISSN:2672-7471.
- Khairul. A. M. (2017). Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017. Kolej Universiti Islam Melaka. Laman Web Rasmi Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Resam Melayu Pahang (MUIP). Dipetik pada 20 April 2023 di [http://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page\\_id=2733](http://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page_id=2733)
- Mohamad. S. H., & Riki, R. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Al-Syariah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. Vol.10. pp. 129-140.
- Muaz. O., Norita. K., & Fakhri. S. (2016). Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejahtera. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016.
- Nor Asmira. M. J., Zanirah. M. B., Noraini. J., Nor Azmila. Y., Ahmad Murshidi. M. (2022). Pendidikan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat Dalam Membasmi Keciciran. *Proceeding Science, Ethics & Civilization*. Vol. 1. 2022. 72-76. eISBN: 978-967-26855-0-0.
- Nurul Nadzirah. A. N. (2023). Impak Agihan Zakat Terhadap Pendidikan Masyarakat Orang Asli Di Jerantut, Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economic dan Development (JISED)*. Vol. 8. Issues. 52. Pp.64-69. eISSN:0128-1755.
- Siti Zulaika. N., Hairunnizam. W., & Mohd Ali. M. N. (2021). Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian dalam Kakitangan Kerajaan di Malaysia. *Islamiyyat* 43(1) 2021: 135-150.
- Zakaria. O., Hafizah. Z., Azizah. O., Mohd Adil. M., Mohd Faisal. M., & Muhammad Faiz. H. S. (2021). Peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah Dalam Menyuburkan Pendidikan Orang Kedah. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX, 28-29 Oktober 2021.
- Zarina. K., Sanep. A., & Mohd Ali. M. N. (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. Prosiding PERKEM VII. Jilid 2. ISSN: 2231-962X. PP: 1263-1273.